

Skrip Lakonan

1) **Bagai mencurah air di daun keladi:**
Sia-sia sahaja mengajar atau menasihati orang yang tidak mahu mendengarnya

- Yusni : Eh, Salmah! Kenapa kau ni degil sangat?
- Salmah : Apa maksud kau?
- Yusni : Yalah, aku kan dah bilang kau jangan berkawan dengan budak-budak nakal tu. Daripada kau membuang masa, lebih baik kau ikut belajar bersama aku.
- Salmah: Ah! Malaslah aku nak dengar ceramah kau ni. Buang masa aku je.

LOKASI : Di dalam kelas

2) **Seperti rusa masuk kampung:**
Orang yang tercengang-cengang apabila tiba di suatu tempat yang baru

- Mariana: Milah, kenapa aku tengok kau diam sahaja bila kau masuk rumah aku ni?
- Milah: Manalah aku tak tercengang Mariana. Tak pernah seumur hidup aku lihat rumah batu yang sebesar dan seindah ini.
- Mariana: Kau dah lupa ke Milah, ini kan bandar.
- Milah: Hai Mariana, aku nikan orang kampung. Manalah aku pernah nampak ni semua.

LOKASI : Di dalam rumah

3) **Seperti bumi dengan langit:**
Sangat jauh berbeza

Rahimah : Ana, betul ke kau dengan si Jamilah tu adik beradik?

Ana : Betullah. Kenapa kau tanya?

Rahimah: Macam tak percaya aku bila kau cakap kamu berdua adik beradik. Aku tengok perangai serta tingkah laku kamu berdua jauh berbeza. Takda yang sama langsung! Engkau pandai jaga tata tertib. Tapi si Jamilah tu tak ubah macam budak lelaki.

Ana : Entahlah Rahimah. Emak aku pun pening kepala memikirkan tentang si Jamilah tu.

LOKASI : Duduk berehat di bangku

4) **Bagai aur dengan tebing:**
Hidup saling bekerjasama

Isteri Penghulu : Saya amat bangga dan suka dengan kerjasama yang kamu semua berikan ketika majlis persandingan anak saya kelmarin.

Cik Petom : Mestilah. Kita hidup di kampung ini haruslah saling bantu-membantu dan bekerjasama supaya hidup aman damai.

Isteri Penghulu : Ya, saya setuju sangat. Bila orang lain susah, kita membantu. Dan bila dia senang, kita sama-sama tumpang gembira. Tak begitu, Cik Petom? (sambil ketawa).

Cik Petom : Ya, ya...betul.....(sambil ketawa)

LOKASI : Di dalam rumah kampung

5) **Seperti katak di bawah tempurung:**
Orang yang terhad pengetahuannya, hanya mengetahui hal-hal di sekelilingnya.

Aisha : Amirah, kau tahu tak di Singapura dah ada satu tempat khas untuk kita menonton persembahan tarian dan nyanyian dari artis-artis terkenal?

Amirah : Ha? Tempat apa tu? Aku tak pernah dengarlah.

Aisha : Ha? Kau tak pernah dengar? Kau tak pernah dengar ke tentang Esplanade?

Amirah : Ah? Esplanade? Apa ke benda tu?

Aisha : Alamak kau ni Amirah! Penatlah aku cakap dengan kau!

LOKASI : Di dalam kelas

6) **Seperti kerbau dicucuk hidung:**
Orang yang bodoh dan mengikut sahaja apa yang diarahkan.

Amirah : Eh, Mona! Aku lihat kau ni takut sangat dengan si Kathy.

Mona : Kenapa kau cakap begitu?

Amirah : Yalah, aku lihat apa sahaja yang Kathy suruh kau buat, kau akan buat tanpa banyak soal. Sampaikan dia suruh kau menipu dalam kertas peperiksaan pun kau buat!

Mona : Aku tidak ada pilihan. Dia banyak tahu tentang rahsia aku. Aku takut dia akan beritahu kepada cikgu.

LOKASI : Di dalam kelas

7) **Seperti anjing dengan kucing:**
Dua orang yang sering bertengkar apabila bertemu.

Adik : Mak! Tengoklah abang ni.

Emak : Kenapa ni?

Adik : Abang suka ganggu adik. Dia selalu ambil anak patung kesayangan adik.

Emak : Hai! Kamu berdua ni. Tak boleh berjumpa! Asal jumpa sahaja mesti hendak bergaduh.

LOKASI : Di dalam rumah

8) **Seperti kacang lupakan kulit:**
Tidak mengenang jasa atau budi orang yang pernah membela atau menolongnya.

Linda : Tina, boleh kau tolong aku?

Tina : Tolong? Nak tolong apa? Aku tak ada masalah nak tolong-tolong kau. Apa? Kau nak pinjam duit ke? Aku mana ada duit. Kau ingat aku kerja bertungkus-lumus kumpul kekayaan aku, aku senang-senang nak kasi kau? Jangan mimpilah!

Linda : Sampai hati kau Tina cakap begitu kepada aku. Kau dah lupa ke pertolongan yang aku berikan dahulu? Aku cuma nak pinjam duit sikit je. Aku di dalam kesempitan.

Tina : Ah.....! Kalaulah aku nak harapkan pertolongan kau yang tak seberapa tu dan kau nak minta balas, lebih baik kau jangan tolong aku!

Linda : Tak apalah Tina. Kalau dah begitu katamu, aku minta diri.

LOKASI : Di luar